

UNIT 7: MASYARAKAT PENYAYANG TONGGAK ASPIRASI NEGARA

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

menghormati	banjir	musibah
bertuah	bermuafakat	pelbagai

Masyarakat penyayang ialah masyarakat yang hidup _____, mesra dan bertimbang rasa dengan anggotanya. Setiap anggota masyarakat saling memahami dan _____.

Kita patut berasa _____ dan bersyukur kerana masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat _____ kaum. Walaupun berbeza bangsa dan agama, namun masyarakat di Malaysia saling membantu apabila ditimpa sesuatu _____ seperti tanah runtuh, _____ atau kebakaran.

2. Nyatakan contoh golongan berkeperluan.

- (a)
- (b)
- (c)
- (d)
- (e)

3. Padankan agensi dan fungsinya dengan betul.

Majlis Kanser
Nasional

Meningkatkan kesedaran dan membantu
golongan yang menghidap penyakit AIDS.

Yayasan Salam
Malaysia

Membantu pesakit kanser yang tidak
berkemampuan untuk mendapat rawatan.

Persatuan
Mencegah Dadah
Malaysia

Menggalakkan semangat kesukarelaan
dan menyediakan peluang kepada rakyat
Malaysia untuk sama-sama membantu
golongan yang memerlukan.

Majlis Aids Malaysia

Mendidik masyarakat daripada terlibat
dengan dadah.